



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI JABATAN PERDANA MENTERI

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**


**PENULIS SKRIP / PENOLONG SKRIP (C.1-2 EB.3)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENULIS SKRIP / PENOLONG SKRIP
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Advertising / Broadcasting / Business / Computer / Design / Economics / Ehwal Semasa / Electronic / Geography / Information Technology / International Relations / International Studies / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Law / Linguistik / Media / Journalism / Multimedia / Pengajian Brunei / Penyiaran / Perindustrian/ Professional Communication / Public Affair / Sains / Sastera / Sejarah / Seni Kreatif / Syariah / Arts / TV and Film Production / Usuluddin atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Penerbit Tingkat I / Penolong Alihsuara / Penolong Sarikata / Penterjemah / Penterjemah Alihsuara dan Sarikata / Penolong Penyunting / Penolong Penyunting ENG / Penolong Penapis (filem dan Pita) / Penolong Susunan Rancangan / Pemberita / Pegawai Perpustakaan (Filem dan Pita) / Pegawai Perpustakaan (Piring Hitam dan Pita) atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Penerbit Tingkat II / Penolong Pengurus Pentas / Penolong Persembahan Rendah / Pelatih Berita / Penolong Perpustakaan (Filem dan Pita) atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.


ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.



SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
4. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran.
5. Hendaklah mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa.
6. Mempunyai pengalaman yang luas dalam pembuatan skrip bagi rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman adalah kelebihan.
7. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan.
8. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam mengolah dan menghasilkan penulisan yang berkualiti.
9. Hendaklah mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
10. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses pembuatan skrip termasuk dalam suasana tegang.
11. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.
12. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada para penerbit untuk pembuatan skrip bagi rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa / dokumentari / promo / kempen Kerajaan;
2. Membantu para penyunting dalam penyuntingan skrip bagi rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa / dokumentari / promo / kempen Kerajaan;
3. Membuat penilaian pada skrip-skrip untuk menentukan mutu bagi mesej, plot perwatakan, jalan cerita dan lain-lain yang berkaitan dengan skrip berkaitan;
4. Mendraf dan menulis skrip bagi rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa / dokumentari / promo / kempen Kerajaan;
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.